

**K**LANG: Kegilaan bertaruh dalam perlawanan bola sepak di kalangan remaja dan golongan muda menyebabkan ada antara mereka terpaksa menanggung hutang mencecah ribuan ringgit, selain ada yang sampai mahu membunuh diri.

Seorang mangsa, William Lim, 24, berkata beliau mula terbabit dengan pertaruhan perlawanan bola sepak sejak berusia 13 tahun dan kini boleh dianggap arif mengenai selok-belok pertaruhan.

"Mula-mula main, saya hanya bertaruh RM50 hingga RM100 bagi satu perlawanan bola sepak tetapi selepas berkali-kali saya memenangi pertaruhan, saya menggandakan wang pertaruhan sehingga mencecah RM50,000 kerana percaya jika bertaruh lebih banyak, wang kemenangan akan bertambah.

"Taklamak kemudian, saya mula mengalami kekalahan dan menanggung hutang yang banyak sehingga datang seorang along yang meminjamkan wang kepada saya bagi membolehkan saya melangsaikan hutang yang ketika itu berjumlah RM30,000," katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat MCA Klang, di sini, baru-baru ini.

Lim berkata, tanpa berfikir panjang, beliau terus membuat lebih banyak pertaruhan untuk menebus duit yang 'hilang' selepas kalah dalam pertaruhan sehingga akhirnya berhutang dengan along sebanyak RM200,000.

"Sejak itu, saya terus diburu



SONG (tengah) bersama beberapa pemimpin MCA Klang mendengar penjelasan daripada remaja yang menjadi mangsa along selepas terbabit dalam pertaruhan bola sepak di kafe siber.

Berita Harian 18/05/2010 M/S 2

# Kaki judi serik pinjam along

## Mangsa yang memenangi pertaruhan insaf berhutang sehingga RM200,000

along dan pernah mengambil keputusan untuk membunuh diri kerana tidak dapat membayar hutang selain sering digugut along," katanya.

Seorang lagi mangsa, Tony Soo, 20, berkata beliau sekarang sudah insaf dan tidak mahu lagi terbabit dengan pertaruhan bola sepak kerana tidak mahu digugut along dalam hidupnya.

"Saya terbabit dalam pertaruhan ini selepas dipujuk beberapa rakan yang sudah lama aktif dalam kegiatan

ini. "Mula-mula saya menang dan mendapat banyak duit tetapi selepas itu saya kalah teruk sehingga kerugian hampir RM35,000.

"Seorang along datang kepada saya dan menawarkan pinjaman wang untuk melunaskan hutang tetapi hutang saya dengan along semakin tinggi selepas itu kerana gagal membayar 'bunga,' katanya.

Sementara itu, Ketua MCA Kapar, Datuk Song Kee Chai,

berkata pendedahan pihaknya dan MCA Klang itu adalah rentetan daripada banyak aduan orang ramai yang diterima berikutan kebimbangan mereka dengan kegiatan kafe siber dijadikan topeng kepada kegiatan pusat perjudian dan pertaruhan.

Katanya, ramai ibu bapa bimbang dengan kegiatan itu kerana ia boleh memberikan kesan negatif kepada remaja berikutan ramai pengunjung kafe berkenaan adalah pelajar.

"Saya mendapat aduan daripada ibu bapa yang bimbang dengan gejala tidak sihat ini kerana golongan sasaran mereka adalah remaja khususnya pelajar dan ini adalah sesuatu yang serius jika tidak segera ditangani.

"Saya juga membantah cadangan yang mahu memberi lesen kepada pengusaha pusat perjudian terutamanya dalam pertaruhan bola sepak kerana ia lebih banyak memberi kesan buruk, berbanding kebaikan," katanya.